



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

“KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA MENDAPAT KERJASAMA DAN KOMITMEN TERHADAP PEMBEKALAN UBAT DAN BUKAN UBAT DI SEMUA FASILITI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA OLEH PHARMANIAGA BERHAD DAN PEMBEKAL-PEMBEKAL BERKAITAN”

Kementerian Kesihatan Malaysia memandang serius isu yang dibangkitkan menerusi media elektronik dan media cetak berhubung status PN17 Pharmaniaga Berhad (Pharmaniaga) ini yang dikhuatiri memberi kesan ke atas pembekalan ubat dan bukan ubat serta keupayaan Pharmaniaga untuk melunaskan bayaran kepada syarikat farmaseutikal dan syarikat peranti perubatan yang bernaung di bawahnya.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Kesihatan Malaysia telah mengaturkan satu sesi perjumpaan pada 31 Mac 2023 di antara wakil syarikat Pharmaniaga bersama wakil *Malaysian Organisation of Pharmaceutical Industries* (MOPI) dan *Pharmaceutical Association of Malaysia* (PhAMA) untuk memberi peluang kepada Pharmaniaga

memberikan pencerahan mengenai kedudukan semasa syarikat serta perancangan dalam memastikan pembekalan ubat dan bukan ubat kepada semua fasiliti Kementerian Kesihatan tidak terganggu. Ini termasuklah dakwaan bahawa Pharmaniaga telah menangguhkan pembayaran kepada syarikat farmaseutikal dan syarikat peranti perubatan (prinsipal) yang terlibat dalam mengeluarkan ubat-ubatan dan peralatan perubatan.

Pharmaniaga telah memberikan komitmen bahawa subsidiarinya iaitu, syarikat Pharmaniaga Logistic Sdn. Bhd. (PLSB) selaku syarikat konsensi yang dilantik Kerajaan untuk membekalkan lebih daripada 700 produk ubat dan bukan ubat akan terus kukuh dan berdaya saing. MOPI dan PhAMA juga akan memberikan kerjasama penuh bagi memastikan rantai bekalan ubat dan bukan ubat tidak terjejas.

Kementerian Kesihatan Malaysia akan terus bekerjasama dengan semua pihak memastikan penyampaian perkhidmatan kesihatan kepada rakyat berada di tahap optimum ke arah menjamin kehidupan sejahtera masyarakat Malaysia MADANI.

Dr. Zaliha binti Mustafa
Menteri Kesihatan Malaysia

31 Mac 2023